

Dasar sama tetapi 'style' akan berubah

Mahathir ke arah lantang, tegas dan jelas

MM 28 JUN 1981

DATUK Sri Dr. Mahathir, secara rasmi telah mengambil 'alih' jawatan Presiden UMNO. Beliau adalah Presiden UMNO yang kelima dan mengikut tradisi Presiden UMNO menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Dengan itu beliau adalah bertanggungjawab kepada partinya yang khusus terdiri dari orang-orang Melayu dan juga kepada rakyat Malaysia berbilang kaum.

Sebagai tokoh kontroversial di dalam parti dan dalam kerajaan, maka peningkatannya ke puncak kuasa menimbulkan banyak persoalan, kebimbangan kepada setengah-setengah orang dan keyakinan serta harapan yang lebih besar dari rakyat.

Apabila beliau mengambil kuasa pimpinan negara, kebimbangan yang ditimbulkan terhadapnya sebagai seorang "racialist" dan "Chauvanist" boleh dikatakan telah luput. Kini anggapan serupa itu timbul kerana cakupannya maka kelenyapan anggapan itu adalah kerana cakap dan tindakannya menerusi kuasa-kuasa terbatas

yang telah diberikan kepadanya sejak kira-kira enam tahun lalu; sebagai Menteri Pelajaran, Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan juga sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO.

Beliau mempunyai alasan-alasan yang kuat untuk mempercayai kata-katanya sendiri dan untuk meyakinkan rakyat bila beliau ditanyai tentang cap-cap yang telah diberikan kepadanya. "Sebaik-baiknya segala anggapan itu diukur dan dilihat pada hasil keseluruhannya," katanya.

Beliau telah memhukamkan keadilan, persamaan, pertimbangan di

dalam bidang-bidang kuasa yang telah diberikan kepadanya dan telah mengendalikannya dengan baik dan jujur lamanya tetapi tetap terus terang dan tetap kekal dan akan terus menjadi persoalan.

"Di dalam hal ini saya tidak boleh bertukar lagi, itulah saya," katanya di dalam pertemuan dengan Utusan baru-baru ini.

Di dalam bidang-bidang kuasa yang telah diberikan kepadanya beliau telah menunjukkan tindakan-tindakan yang tegas, berani dan adab. Beliau telah menunjukkan kemampuannya meyakinkan rakyat terhadap tujuan-tujuannya untuk tenteraman, disiplin, keadilan dan kestabilan.

Beliau telah memberikan "impact" yang tenangnya menjadi ukuran pada semua pihak di dalam tindakannya bagi mengatasi krisis pelajaran Akta Universiti, krisis buruh dengan pinangan undang-undang kesatuan sekerja, me-

masukan MAS, gaji pekerjanya, kakitangan memperbaiki (Akta Penyelidikan dan Industri) dan menyerang keras "fanatisme" "extremisme".

Bagi kepentingan partinya secara senyap

mengerakkan pembinaan rumah UMNO yang akan menelan belanja lebih \$160 juta dan membawa derma yang besar untuknya, dan beliau juga merancang pelan-caran ASN supaya sampai kepada rakyat biasa dari golongan tani, nelayan, buruh dan seluruh rakyat bagi menamatkan cerita saharu hanya untuk orang-orang kaya.

Dari segi "nature"nya beliau adalah seorang yang "radical". Tikirannya adalah melampau zamannya dan pada ketika-ketiknya beliau menjadi korban kerana "radicalism"nya itu.

Sebenarnya sifat-sifat inilah yang telah menarik minat rakyat terhadapnya dan bagi beliau sendiri beliau tidak mempertahankan bahawa semua tindakannya adalah benar.

Beliau akan mempertahankan pendapat-pendapatnya sehingga ke alasan yang paling lemah, tetapi beliau tidak akan segan silu mengakui kesilapannya malah akan meminta maaf bila menyadari bahawa beliau telah tersilap.

Seperti kata-katanya sendiri beliau tidak harus diukur dari warna yang telah disapu kepada dirinya tetapi hendaklah diukur dan dilihat dari hasil tindakannya.

Dan sebenarnya ukurannya inilah yang sekarang menimbulkan harapan, kebimbangan dan keyakinan bahawa Mahathir akan membawa perubahan.

"Tidak! dari segi dasar parti dan negara tidak akan heruhah, sama juga, tetapi "style" akan

berubah. cara-cara menjalankan dasar parti dan negara juga akan berubah," katanya.

Beliau menggambarkan bahawa "style"nya kelak di dalam parti dan juga negara ialah: Jelas, tegas dan lantang.

Beliau akan membawa parti lebih dekat kepada rakyat menerusi hubungan antara pemimpin-pemimpin parti dengan "rank and file" dan seterusnya dengan rakyat.

Katanya UMNO adalah herasas kepada rakyat, ia adalah parti bagi rakyat, ia bukan parti yang berasas kepada golongan elitis.

"UMNO tidak sahaja semestinya ditunjukkan sahaja sebagai parti kepunyaan rakyat tetapi ia mestilah dilihat sebagai parti yang berasaskan kepada rakyat," tegasnya.

Keperibadian dan kepimpinan Dr. Mahathir sejak sebelum jadi menteri dan sehingga

beliau menjadi menteri kabinet telahpun menjawai hasrat ini.

"Bagi saya tidak ada pengenalan kelas-katanya.

Mungkin ini kerana latar belakangnya sebagai rakyat biasa tetapi beliau memberikan alasan "profesion saya sebagai doktor telah mengajar saya mengadakan hubungan dengan rakyat biasa dari semua peringkat.

Utusan mengemukakan keraguan ini semula kepadanya sambil menimbulkan kemungkinan akan berlaku perubahan sikap itu kerana tekanan-tekanan di dalam parti sendiri.

Dr. Mahathir menjawab bahawa perubahan sikap ini adalah juga bergantung kepada perubahan sikap barisan muda di dalam parti-parti lain.

Perubahan serupa itu akan memberi kesan kepada UMNO, katanya.

"Mengenai diri saya, sayapun tidak berdarah muda lagi, umur saya sudah 56 tahun. saya bukan muda lagi, saya akan lebih realistik di dalam menghadapi masalah-masalah."

UTUSAN: Ada orang menganggap bahawa Doktor baru sekarang tidak bersikap perkauman.

MAHATHIR: Tidak, saya dari dahulu lagi menghargai hubungan kaum, tetapi perjuangan saya untuk memberikan tempat kepada orang-orang Melayu yang menjadi tujuan utama kita mencapai kemerdekaan telah disalah-mengerti.

Dari awal lagi saya telah nampak pertolongan kepada orang-orang Melayu boleh dilakukan tanpa mengganggu ke-

UTUSAN: Apakah kriteria bagi mengekalkan keharmonian kaum dan keamanan hidup di negara ini?

MAHATHIR: Kriteria untuk kejayaan ialah perasaan tidak puas hati tetapi rakyat negara ini seluruhnya mestilah menerima hakikat bahawa ada benda yang masing-masing tidak boleh dapat.

Kita berpegang kepada asas "quid pro quo" saya bagi satu, awak bagi satu, tetapi di dalam dasar pemberian seperti ini ada benda yang tidak boleh diperdagangkan, umpamanya kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan agama Islam. Tidak ada tolak ansur di dalam soai ini, tidak ada siapapun boleh persoalkan lagi.

Kita mesti menerima ada benda yang tidak boleh dapat, kita mesti terima hakikat ini. Seperti teian saya tegas-kali-kali bahawa: kriteria untuk kejayaan ialah perasaan tidak puas hati. Dalam negara kita mesti ada yang tidak puas hati, ia datang dari semua kaum maka ini menunjukkan kita berjaya, menunjukkan kita telah menjalankan dasar yang adii.

Masing-masing akan memnut seberapa banyak yang boleh tetapi janganlah mendatangkan tekanan sehingga

nilai moral yang betul.

Masalah kita ialah kita selalu melihat dari nilai-nilai Barat, dan juga nilai komunis.

Dengan itu ada di antara kita menilai kebucuhan mengikut pembahagian kelas sekalipun kita tahu ada orang kaya yang baik dan ada orang miskin yang jahat.

Umpatnanya, saya sendiri begitu popular hiia saya berada di peringkat bawah tetapi bilia saya di atas maka barulah orang bendak mencari kbburukan saya dan cenderung untuk meniibuikan kebucukan.

Ini adaiiah "anti-establishment mentality", menimbulkan kebencian orang-orang miskin kepada orang-orang kaya. Sikap inilah juga yang menimbulkan kekacauan di dalam masyarakat.

Di dalam masyarakat bebas seperti kita memanglah ada orang yang kaya dengan putar belit, tetapi tidak semua orang jadi jutawan dengan membupuh dan menindas orang lain.

UTUSAN: Apabila kita memajukan negara menerusi perusahaan, maka modelnya tentulah Barat dan kita akaa terpaksa melakukan apa yang Barat lakukan dan kita juga akan mempunyai masalah dan kebimbangan Yang sama

segi-ekonomi dan jiwa.

Kesedaran agama boleh didorongkan bagi menjadi tunjang pembangunan moral negara.

UTUSAN: Ini mungkin mudah dijalankan di negara yang mempunyai satu kaum tetapi negara kita bukan "homogeneous" seperti Jepun. Bagaimana kita hendak meletakkan bangsa kita di atas satu asas moral yang kuat?

MAHATHIR: Menerusi pendidikan kita akan mewujudkan generasi baru yang berpegang kepada nilai-nilai moral walaupun berlainan agama. Kepada anak-anak Islam kita akan mengajjar pelajaran agama dan kepada bukan Islam, kita ajar pelajaran akhlak.

Dan, kerajaan pula mestilah diihat sebagai sebuah kerajaan yang memberikan keutamaan kepada nilai-nilai moral dan tidak hanya pada kata-katanya sahaja.

Kalau kerajaan rasuah, maka rakyat juga akan menerima nilai-nilai rasuah.

Kita mesti mewujudkan suatu keadaan yang baik menerusi sistem yang baik.

Kalau sesuatu yang hitam dikatakan putih dan ramai yang mengatakan putih maka yang hitam akhirnya akan diterima sebagai putih.

Saya sedar walaupun

V

"Ia juga mengajar saya supaya mempunyai simpati dengan pandangan orang lain." Pendekatan serupa ini kelak dipercayai tidak sahaja akan dirasakan lebih mendalam oleh UMNO tetapi juga oleh parti-parti komponen Barisan Nasional.

Tentunya beliau tidak bermaksud hanya UMNO sahaja yang harus membuktikan bahawa ia bukanlah parti elit tetapi BN sendiri mestilah mempunyai iniej sebagai parti yang benar-benar berasaskan kepada rakyat dari merupakan parti orang-orang kaya, parti taukeh-taukeh dan sebagainya.

Persoalan tentulah timbul sekarang bagaimanakah kelak sikap UMNO terhadap anggota Barisan Nasional di bawah pimpinan Mahathir malah beliau sendiri di dalam ucapannya kepada Perhimpunan Pemuda dan Wanita UMNO di dalam tahun 1978 berkata: "Ada keraguan malah sudah timbul keraguan rakan-rakan dalam Barisan Nasional tentang apakah Barisan Nasional dapat dikekalkan, setelah UMNO diambil alih oleh pemimpin generasi muda?

pentingan orang lain.

Di dalam negara yang makmur dan kaya seperti negara kita ini, kita boleh mengadakan peluang-peluang baru kepada orang-orang Meiyau dan kita tidak perlu mengambil hak orang lain untuk diberikan kepada orang Meiyau.

Kehimbangan yang ditimbulkan dan yang ada adalah tidak berasas. Orang-orang bukan Melayu dan siapa sahaja yang sanggup berusaha dan bekerja di negara ini pasti akan mendapat tempat yang baik di negara ini.

UTUSAN: Di dalam negara kita ini ada pihak-pihak yang cenderung untuk menggunakan perpaduan mereka bagi mengadakan tekanan ke atas kerajaan ataupun ke atas UMNO.

MAHATHIR: Tekanan biasanya timbul dari dua pihak. Kalau timbul tekanan maka ia ditimbulkan oleh kaiangan yang fanatik dan tidak realistik.

Ia bukanlah merupakan perasaan majoriti tetapi perasaan sesuatu golongan di dalam masyarakat atau kaum, tetapi majoriti yang sedar tidak akan mengambil kesempatan dari sesuatu keadaan untuk berbuat demikian.

boleh menimbulkan keadaan yang buruk.

Orang-orang yang realistik tidak akan berbust demikian. Orang-orang Cina yang mahu hidup bahagia di negara ini akan conform kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan dan setiap orang [dari semua kaum] tahu kadar masing-masing.

UTUSAN: Di dalam masyarakat bebas seperti kita adalah sukar untuk mengawal kemahuan manusia, malah doktor sendiri mahu orang-orang Melayu menjadi jutawan, dan mahu melahirkan jutawan-jutawan Melayu tetapi Doktor tidak pernah memersoalkan bagaimana seseorang itu menjadi jutawan.

Saya kira ketakutan menyaksikan perkembangan "materialism" di negara kita, inilah yang menyebabkan wujudnya "escapism".

kepada dakwah-dakwah yang bersifat anti-keduniaan.

MAHATHIR: Ini adalah akibat dari kita melihat sesuatu dari kaca mata penilaian Barat, kita mengambil "western model" untuk menilai masalah kita.

Kalau kita membuat penilaian moral yang betul maka kita akan

seperti yang dihadapi oleh Barat.

MAHATHIR: Tidak semestinya.

Barat di dalam proses industrialisasinya adalah menolak agama. Mereka menganggap industrialisasi tidak ada kena mengena dengan agama, makin lama mereka semakin jauh terpisah dari agama. Mereka asingkan agama dengan sekular. Kita tidak.

Di negara kita di samping kita suruh rakyat bekerja, kita juga menyuruh rakyat bersembahyang.

Bagi Barat soal sembahyang adalah soal individu, sembahyang atau tidak adalah tidak kira, tetapi kita tidak, pembangunan, negara disertai dengan pembangunan agama.

"Kita tidak memisahkan" antara kehendak-kehendak "materialism" dengan kehendak rohani. Islam tidak menghalang pem-

bangunan untuk keselamatan umat Islam.

Yang menjadi masalah ialah kesedaran agama telah pun membawa fahaman-fahaman yang salah dan karut.

Kita mesti menggalakan kesedaran agama ke arah yang positif untuk menjadi kekuatan kepada kita dan bukannya untuk meniadakan

tanggungjawab ini mesti diijaiakan oleh semua pihak dari ibu bapa, guru dan sebagainya tetapi pemimpin-pemimpin negara adalah mendokong tanggungjawab utama.

Kita tidak seharusnya dilihat hanya berkata-kata malah mesti dilihat oleh rakyat melakukan tindakan.

UTUSAN: Saya tidak fikir tujuan ini boleh tercapai kalau kerajaan terus menunjukkan tolak ansur terhadap perbuatan-perbuatan "immoral" seperti rasuah, penyelewengan dan sebagainya kerana adanya tekanan-tekanan politik (political expediency).

MAHATHIR: Mengatakan kerajaan tidak mengambil langkah langsung adalah sia-sia. Kita telah menangkap orang-orang kita sendiri dan membawa mereka ke mahkamah. Kita telah mengambil tindakan-tindakan. [Dr. Mahathir menyebutkan

satu persatu orang-orang politik UMNO sendiri yang telah ditangkap dan dihukum sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi].

Sedapat yang boleh kita akan berusaha mewujudkan masyarakat yang tahu batasnya.

UTUSAN: Orang ramai kadang-kadang

dengan kerajaan di dalam usaha untuk menegakkan kerajaan bersih kerana kerajaan bertindak terhadap pegawai-pegawainya yang "overzealous."

MAHATHIR: Saya rasa kita patut "check" pegawai-pegawai yang "overzealous" tetapi kita akan pastikan tidaklah sampai mereka merasa kecewa.

UTUSAN: Berdasarkan kepada cara-cara Doktor bertindak menyelesaikan masalah perusahaan dan kekecohan yang timbul, umpamanya, kebangkitan, kaum pelajar, dan mogok MAS maka ada kebimbangan bahawa mungkin lebih banyak langkah tidak demokratik diperkenalkan di masa akan datang.

MAHATHIR: Langkah untuk mewujudkan disiplin tidaklah bererti langkah yang "undemocratic" malah disiplin sama sekali tidak bercanggah dengan demokrasi. Sebaliknya akan melindungi demokrasi.

Demokrasi tidak bererti "anarchy", kebebasan

membuat apa sahaja sehingga menghalang kebebasan orang lain.

Kalau kebebasan kita menghalang kebebasan orang lain maka bukanlah demokrasi.

Umpamanya kalau saya tidak melaksanakan disiplin di kalangan pelajar-pelajar, maka perbelanjaan yang dicurahkan kepada pelajar-pelajar tidak akan mendatangkan hasil.

Kita mesti menjamin agar ada kebebasan di dalam negara kita tetapi kebebasan tidak semestinya menimbulkan huru-hara.

Kita mesti menjamin agar ada kebebasan di negara ini. Kalau saya tidak betul rakyat mestilah boleh buang saya. Saya tidak boleh kekal, tetapi janganlah kebebasan itu sampai menimbulkan huru-hara.

UTUSAN: Akhir sekali saya ingin tahu apakah tugas yang paling penting sekali bagi Doktor sebagai Perdana Menteri kelak.

MAHATHIR: Tugas saya yang paling penting

adalah untuk menyambung tugas untuk menjadikan kita sebagai satu bangsa yang dihormati kerana kemajuannya dan negara kita dihormati kerana kekuatannya.

Warganegara Malaysia mestilah setaraf dengan negara-negara mana juga di seluruh dunia. Kita mesti menjadi satu bangsa yang maju.

Kita mestilah menjadi satu bangsa yang "kata-kata kita dipercayai, our word is our bond."

Kita boleh menuju ke tahap ini -- akan kita usahakan. Insha Allah."